

## KOPERASI

PERSIDANGAN GLOBAL DAN MESYUARAT AGUNG PERSEKUTUAN KOPERASI ANTARABANGSA (ICA) 2017



Abdul Fattah bersama delegasi dari ANGKASA pada Persidangan ICA di Antalya Turki tahun lalu.

ICA  
Info

- ICA diwujudkan pada 1895
- Berfungsi sebagai lembaga yang menyatukan gerakan koperasi di setiap negara di dunia supaya ada

keseragaman, terutama dalam hal membabitkan koperasi di negara berkenaan  
Presiden ICA sekiranya adalah Monique F Leroux dari Kanada



Kekuatan koperasi kita adalah pada produk halal, kewangan Islam dan kehebatan menguruskan sistem yang cekap serta teratur. Justeru, negara luar hadir pada persidangan ICA kali ini untuk belajar perkara ini dengan kita"

Abdul Fattah Abdullah,  
Presiden ANGKASA

# Malaysia tuan rumah ICA 2017

ANGKASA menang bidaan pada 2015 atas tiga badan koperasi dari tiga negara

Oleh Syalikha Sazili  
syalikha@bh.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia diberi penghormatan menjadi tuan rumah Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2017 yang bakal berlangsung selama tujuh hari bermula semalam hingga Ahad ini.

ICA adalah badan gabungan koperasi terbesar dunia dengan keahlian 300 organisasi dari 105 negara.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menjadi pengajuur kepada ICA 2017

selepas memenangi bidaan menjadi tuan rumah pada 2015, mengatasi tiga badan koperasi dari tiga negara iaitu Australia, New Zealand dan Iran.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata 98 negara mengesahkan kehadiran pada ICA 2017 dengan lebih 1,000 perwakilan.

Katanya, acara dwitahunan itu membabitkan tiga komponen iaitu perhimpunan agung bagi melantik barisan kepimpinan baharu ICA, persidangan global untuk membincangkan hala tuju dan isu berkaitan koperasi seluruh dunia serta mesyuarat jawatankuasa sektor.

"Pada persidangan itu, 34 kertas kerja akan dibincangkan membabitkan sektor perumahan, pertanian, kesihatan, belia, pendidikan, alam sekitar dan bagaimana gerakan koperasi boleh membantu pelarian serta isu mengenai perkerja asing.

"Selain perkara yang dibincangkan berkaitan dasar di negara masing-masing, peserta juga akan mendengarkan isu berkaitan.

"Sebahagian daripadanya akan

Fakta nombor

### 98 NEGARA

dengan 1,000 perwakilan sah hadiri ICA 2017

### 300 ORGANISASI

dari 105 negara jadi ahli ICA

dijadikan resolusi dan diangkat di negara masing-masing, seterusnya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), katanya kepada BH.

ICA 2017 dengan tema "Koperasi Memartabatkan Masyarakat Damam Arus Pembangunan" bertepak dengan matlamat menghubungkan masyarakat dengan pembiaran dan keusahawanan koperasi menerusi platform bertaraf antarabangsa.

Antara negara yang akan menganggotai ICA dan mengesahkan kehadiran pada persidangan antarabangsa itu, termasuk Amerika Syarikat, Russia, United Kingdom, China, Jepun, Korea, Kanada, India dan Turki.

ICA 2017 mendapat sokongan kerajaan yang memberi dana RM40 juta bagi menjayakan persidangan itu.

**Perkhidmatan bertaraf dunia**  
Abdul Fattah berkata, selain mempromosikan aktiviti keusahawanan koperasi dan menggalakkan ahli menghasilkan produk serta perkhidmatan bertaraf dunia, koperasi tempatan mempunyai ke-

kuatan dari pelbagai sektor yang tidak ada pada koperasi luar.

"Kekuatan koperasi kita adalah pada produk halal, kewangan Islam dan kehebatan menguruskan sistem yang cekap serta teratur.

"Justeru, negara luar hadir pada persidangan ICA kali ini untuk belajar perkara ini dengan kita.

"Pada tahun lalu, jumlah perolehan koperasi seluruh negara adalah RM40 billion dan pada tahun ini kita menjanjika akan mendapat lebih daripada jumlah itu dengan peningkatan jumlah koperasi," katanya.

**Bertanding ahli lembaga ICA**  
Sementara itu, Abdul Fattah berkata, Naib Presiden ANGKASA Datuk Kamarudin Ismail, juga akan bertanding sebagai ahli lembaga ICA pada Perhimpunan Agung ICA yang juga akan memilih presiden dan jawatankuasa bagi tempoh empat tahun akan datang.

Katanya juga pada persidangan itu, Kamarudin juga akan membentangkan topik mengenai keunikan koperasi negara yang mempunyai penyertaan dan ahli dari sekolah sebagai pelapis masa depan.

Perpustakaan Koperasi Malaysia